



KENYATAAN MEDIA

CALON AKHIR 5 TERATAS DIUMUMKAN UNTUK AIM 21

MAJLIS ANUGERAH BERLANGSUNG PADA 6 DISEMBER 2014 DI DEWAN MERDEKA, PWTC

21^{hb} Oktober 2014, Kuala Lumpur - Sejumlah 85 nama dalam 17 kategori anugerah telah diumumkan sebagai calon akhir untuk edisi ke-21 Anugerah Industri Muzik (AIM), majlis anugerah terutama Malaysia yang dianjurkan oleh Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM). Dato' Siti Nurhaliza yang mendahului senarai dengan 8 pencalonan membuktikan bahawa biduanita itu masih mampu menarik perhatian panel juri selepas bertahun-tahun berkerjaya dalam industri muzik; diikuti oleh penyanyi rap Joe Flizzow dengan 6 pencalonan termasuk 2 pencalonan untuk kolaborasi beliau bersama kumpulan Sleaford, dan Shila Amzah yang mengutip 4 pencalonan.

Senarai calon akhir tersebut menampilkan gabungan menarik nama-nama besar yang disegani dan juga pendatang baru dalam industri muzik negara dalam pelbagai genre muzik yang diterbitkan. Antaranya, Poova dan The Venopian Solitude, dua nama yang agak kurang dikenali ramai tetapi masih mampu meraih 3 pencalonan setiap seorang selepas Shila Amzah, menjadikan mereka antara yang teratas di dalam senarai.

“Penerimaan lebih daripada 670 pencalonan untuk AIM tahun ini adalah amat menggalakkan jika dibandingkan pencalonan sebanyak 564 dan 465 yang diterima masing-masing untuk AIM 20 dan AIM 19. Ini bermakna industri kita telah menerbitkan semakin banyak hasil karya berkualiti yang dianggap layak untuk dicalonkan ke dalam majlis penganugerahan setaraf ini,” kata Rosmin Hashim, Pengerusi Jawatankuasa Penganjur AIM. Beliau menambah, “Kami juga gembira melihat senarai pencalonan tahun ini yang menunjukkan kepelbagaian dan kerancakan komuniti muzik negara dan meyakinkan kami bahawa anugerah yang berasaskan pengiktirafan penggiat muzik ini benar-benar tertumpu kepada penelitian kualiti hasil karya dan tidak dipengaruhi oleh populariti atau kedudukan seseorang penggiat itu di pasaran. Untuk itu, kami amat menghargai usaha dan masa yang telah dicurahkan oleh Panel Juri AIM 21 untuk menilai karya terbaik dan terkini yang layak untuk menerima pengiktirafan tertinggi.”

Sejumlah 671 pencalonan awal telah diterima untuk AIM 21 dari ahli-ahli RIM yang terdiri dari syarikat-syarikat rakaman dan pengedar muzik untuk lagu-lagu dan album yang diterbitkan dalam 12 bulan tempoh kelayakan iaitu dari 1 Julai 2013 - 30 Jun 2014. Proses penghakiman telah diuruskan oleh Pengendali Penghakiman Rasmi RIM, Macomm Management Services dan diaudit oleh salah sebuah syarikat audit terkemuka dunia yang tersenarai dalam ‘Big Four’ iaitu KPMG Malaysia yang kini telah pun memberi khidmat kepada RIM sebagai juruaudit AIM selama tiga tahun berturut-turut.

Kategori 'Rakaman Album Terbaik' merupakan kategori anugerah yang pertama dinilai pada 21 Ogos di Hotel Istana, hotel rasmi AIM dengan kebanyakan kategori lain diadili pada 28 Ogos di tempat yang sama. Kategori selebihnya termasuk untuk 'Lagu Terbaik' dan 'Album Terbaik' adalah lima kategori akhir yang diadili di hotel sama pada 23hb. September. Panel juri AIM 21 yang diketuai oleh komposer dan penerbit ternama yang juga penerima Anugerah Sri Wirama sebelum ini, Dato' Adnan Abu Hassan sebagai Ketua Juri, terdiri dari mereka yang aktif dan disegani dalam industri muzik tempatan seperti Acis, Aubrey Suwito, Greg Henderson, Helen Yap, Joe Wings, Loque, LY, Sharon Paul, Taja dan ramai lagi.

Dari 5 calon akhir untuk setiap kategori yang diumumkan, hanya 1 pemenang akan dipilih untuk menerima trofi pewter AIM yang berbentuk mikrofon dalam majlis penganugerahan pada bulan Disember; sebuah penghargaan yang didamba oleh kebanyakan komposer, penyanyi dan penggiat yang aktif dalam dunia seni muzik tempatan.

Sempena anugerah tahun ini seperti yang dilakukan tahun lalu, sebuah album kompilasi Calon AIM 21 yang mengandungi 18 buah lagu daripada senarai calon akhir juga akan diterbitkan. Maklumat lanjut mengenai album ini akan diumumkan dalam masa terdekat.

Naib Presiden Bahagian Perniagaan Melayu Astro, Khairul Anwar Salleh berkata, "Sebagai Penyiar Rasmi tahun demi tahun, Astro turut berbesar hati dapat memainkan peranannya dalam mengiktiraf dan memartabatkan karya muzik Malaysia. Inilah sebahagian komitmen Astro dalam mendokong usaha pelbagai pihak menyediakan pentas yang mengumpul para penggiat industri dalam suasana kompetitif serta setiakawan, semuanya demi pembangunan seni. Bersama-sama Radio Rasmi iaitu ERA fm, kami menyusun rapi rangka promosi yang bakal dikeudarkan di platform-platform kami agar rakyat Malaysia akan turut bersemangat mengikuti acara ini dan meraikan insan-insan seni terbaik tanah air."

Anugerah Industri Muzik ke-21 akan disiarkan secara langsung dari Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur pada hari Sabtu, 6 Disember 2014 serentak di Astro RIA (Saluran 104) dan Maya HD (Saluran 135) dari pukul 9.00 malam hingga 12.00 malam. Majlis tersebut akan didahului acara 'Karpét Glamor AIM 21' yang menampilkan perjalanan artis dan selebriti yang menyusuri karpét merah dari pukul 8.30 malam hingga 9.00 malam sejurus sebelum majlis penyampaian anugerah.

Majlis anugerah muzik ini disokong oleh Astro sebagai Penyiar Rasmi; ERA fm sebagai Radio Rasmi; KPMG sebagai Juruaudit Rasmi; Macomm Management Services sebagai Pengendali Penghakiman dan Hotel Istana Kuala Lumpur sebagai Hotel Rasmi.

Sila rujuk lampiran yang disertakan untuk senarai penuh 5 Calon Akhir, panel juri dan senarai kesemua kategori anugerah yang dipertandingkan untuk AIM 21 yang juga boleh diperolehi di laman web rasmi AIM, www.aim.org.my. Untuk berita terkini dan kandungan eksklusif berkenaan AIM 21, sila layari laman Facebook AIM di www.facebook.com/Anugerah.Industri.Muzik.Official, atau ikuti akaun Instagram (@anugerah_industri_muzik).

- TAMAT -

TENTANG PERSATUAN INDUSTRI RAKAMAN MALAYSIA (RIM)

RIM ialah sebuah persatuan perdagangan industri yang ditubuhkan untuk mewakili syarikat-syarikat rakaman tempatan di Malaysia. Ianya kini mewakili lebih daripada 300 syarikat dan peniaga rakaman tempatan yang terlibat di dalam pengeluaran, pengilangan dan pendedaran rakaman bunyi, video muzik dan karaoke tempatan dan antarabangsa. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.rim.org.my

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

Jumiza Judin, Eksekutif Kanan, Bahagian Acara & Komunikasi
Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM)
Tel: 03 6207 2976
Emel: jumiza.judin@rimgroup.my